

INTEGRITI KEWANGAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH KEBANGSAAN ZON BANGSAR, KUALA LUMPUR

Subaa Nadarajan

Sekolah Kebangsaan Seri Suria, Kuala Lumpur

***Norfariza Mohd Radzi**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

**norfariza@um.edu.my*

ABSTRACT

Financial integrity has become a major concern in efforts to drive Malaysia to be a developed country. This can be evident through steps taken by the government to strengthen the integrity of public officials in driving the principle of integrity and accountability towards an excellent public delivery system. Hence, this study aims to identify the level of financial integrity among the national school teachers of the Bangsar zone, Kuala Lumpur. The study applied quantitative research method through survey. Questionnaires were distributed to the sample of 322 teachers from national schools of the Bangsar zone, Kuala Lumpur. The data obtained then been analyzed using Statistical Package of Social Science (SPSS) version 21 by applying descriptive and inferential statistics such as Mann Whitney U test and Kruskal Wallis H test. The findings show high level of financial integrity among the national school teachers of the Bangsar zone, Kuala Lumpur with the mean of 4.69. In addition, the findings show that there are no significant statistical differences in the practices of financial integrity among teachers based on the aspects of gender ($Z = -1.875$, $p = 0.061$) and the period of teaching experiences [$\chi^2(5, N=322) = 2.601$, $p = 0.761$]. However, significant statistical difference has been noted based on different level of education [$\chi^2(2, N=322) = 7.733$, $p = 0.021$]. This study can be used as a reference for teachers, school administrators and Ministry of Education to identify the level of financial integrity among teachers. In addition, this study can become a guidance in the implementation of relevant programmes and development trainings required by teachers to enhance integrity among them.

Keywords: finance, integrity, school teachers

PENGENALAN

Pendidikan yang berkualiti amat penting bagi menghasilkan sumber manusia yang berdaya saing yang dapat membentuk kemajuan negara. Sumber negara harus dirancang dan diuruskan secara optimum bagi membentuk perancangan pendidikan yang dapat mencapai matlamat yang disasarkan. Rancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menekankan peranan sekolah sebagai organisasi yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pendidikan bagi penghasilan pelajar secara holistik (Kementerian Pendidikan, 2013). Oleh itu, kerajaan telah melabur secara besar-besaran dalam pendidikan supaya kualiti dan hasil produk pendidikan negara memenuhi keperluan semasa selaras dengan transformasi yang berlaku dalam pendidikan abad ke-21. Menurut Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Saedah Siraj dan Faisal Elham (2012), sektor pendidikan sentiasa mendapat perhatian khusus dalam belanjawan negara yang dikemukakan setiap tahun. Kerajaan memperuntukan belanjawan yang besar untuk pengurusan dan pentadbiran sekolah-

sekolah (Shahril@Charil Marzuki, 2005). Oleh itu, peruntukan ini perlu dibelanjakan secara berhemah, tidak membazir dan perlu digunakan secara optimum untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah.

Integriti bukanlah satu istilah baru bagi masyarakat Malaysia. Perkataan integriti ini mula popular pada 23 April 2004 apabila bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) (Institut Integriti Malaysia, 2009). Secara dasarnya, IIM adalah sebuah agensi yang mengkoordinasi pelaksanaan PIN (Kerajaan Malaysia, 2004) yang dirangka untuk merealisasikan cabaran keempat Wawasan 2020, iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”. Dalam konteks pendidikan, seorang guru yang mempunyai sikap berintegriti mampu memacu sebuah sekolah ke arah perkhidmatan professional yang berkualiti tinggi serta dapat menyumbang bagi pembangunan sesebuah negara bersistematik dan luhur. Justeru itu, integriti dalam diri insan yang bergelar guru amatlah penting. Ini kerana masa depan pelajar, malah masa depan bangsa dan negara adalah ditentukan oleh corak didikan dan tunjuk ajar yang dididik oleh golongan guru pada masa kini. Negara juga akan ketinggalan dari semua kemajuan global dan hilang daya saing sekiranya warga pendidik tidak dapat menjalankan tugas secara ikhlas, jujur, penuh tanggungjawab dan amanah. Justeru itu, matlamat dan objektif negara dalam mewujudkan masyarakat bermoral tinggi, patuh kepada agama, beretika dan berbudi pekerti luhur akan tercapai.

Pengurusan kewangan sekolah adalah mengenai pengedaran dan penggunaan wang untuk tujuan menyediakan perkhidmatan pendidikan dalam menghasilkan pencapaian pelajar yang lebih baik (Odden & Picus, 2007). Ini bermakna guru-guru yang merupakan penggerak kewangan sekolah perlu mengendalikan sumber kewangan sekolah dengan cekap dan efisien. Salah satu pernyataan yang telah dibentangkan dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah berkaitan dengan pengurusan kewangan yang cekap untuk memaksimumkan pulangan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Pengurusan kewangan berintegriti boleh diukur dengan melihat laporan audit serta keupayaan sekolah menguruskan dokumen kewangan dengan berkesan. Pengurusan kewangan yang cekap sangat penting di semua sekolah kerana pelbagai jenis peruntukan dan bantuan dari kerajaan disalurkan ke sekolah. Oleh itu, sekolah mesti memastikan semua sumber pendapatan yang diterima diuruskan dengan teliti dan mematuhi setiap peraturan kewangan supaya semua duit yang diperuntukan ke sekolah digunakan dengan efisien dan optimum. Tanpa pengurusan kewangan yang baik dan sumber yang mencukupi, aktiviti-aktiviti serta program di sekolah tidak boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pengurusan kewangan sekolah adalah sebahagian besarnya diuruskan oleh kerani kewangan dan guru besar sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Namun, guru-guru dilibatkan dalam pengurusan kewangan dari segi pengurusan duit panitia yang telah diperuntukan, duit yang diperuntukan untuk program sekolah, yuran PIBG yang dikutip dari murid, kutipan duit-duit khas seperti program kecemerlangan UPSR, duit tuntutan perjalanan atau perubatan dan duit untuk lawatan sambil belajar dari murid (Jaimis Saiman, 2004). Dalam hal ini, guru-guru perlu menyimpan dan menguruskan duit murid untuk satu jangka masa tertentu. Justeru, kecuaihan yang berlaku dalam pengurusan kewangan bakal menyebabkan integriti kewangan guru dipersoalkan. Oleh itu, kajian mengenai integriti guru dari aspek integriti kewangan perlu dijalankan. Kebanyakan kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada pengurusan integriti bagi sektor awam secara umum (Ones, Viswesvaran, & Schmidt, 2003; Mikulay & George, 2001). Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar, Kuala Lumpur. Ianya diharapkan dapat memberi implikasi praktikal terhadap pihak atasan bagi melaksanakan usaha-usaha berkaitan bagi memantapkan pengamalan integriti bagi semua guru disekolah.

PENYATAAN MASALAH

Guru perlu memahami tanggungjawab mereka terhadap murid, rakan sekerja, ibu bapa, profesyen mereka, masyarakat setempat dan negara. Guru-guru juga perlu meningkatkan standard profesion perguruan, mengekal serta menjaga kepercayaan dan amanah yang diberi semasa menjalankan tugas di samping memupuk tanggungjawab yang diberikan dan harus mengeratkan hubungan sesama guru (Barry, Sackett & Wiemann, 2007). Dalam memartabatkan profesion perguruan terdapat kod etika khusus bagi profesion perguruan yang perlu dijadikan panduan oleh semua guru samada yang baru mahupun yang telah lama bekerja. Dengan kewujudan dan pengaplikasian kod etika profesion ini, golongan guru seharusnya dapat menjaga tingkah laku dengan baik sebagaimana yang seharusnya diamalkan oleh seorang guru. Guru-guru yang sentiasa mengamalkan unsur-unsur yang berintegriti mampu untuk menyediakan pelajar sebagai modal insan kelas pertama. Justeru itu, penerapan nilai-nilai murni seperti integriti dalam diri guru amat penting kerana kejayaan seorang guru dalam menghayati nilai murni secara tidak langsung akan memberi kesan yang positif terhadap murid terutamanya dari segi akademik, pertumbuhan akhlak dan nilai murni (Nor Salmi Ahmad Zabidi & Lim Hooi Lian, 2012).

Tingkah laku seseorang guru mempunyai peranan yang penting dalam mendidik generasi muda dalam masyarakat. Terdapat beberapa isu berhubung kewangan yang berpunca daripada tingkah laku guru yang menghadapi masalah dari segi pengurusan kewangan sekolah (Abdul Rahim Affandi, 2003). Dalam hal ini, masalah utama yang dikenal pasti ialah guru yang tidak mengetahui prosedur urusan niaga pembelian berdasarkan tatacara pembelian. Terdapat guru yang membuat pembelian barangan atau peralatan dengan tidak menggunakan borang pesanan sedia ada. Selain itu borang pesanan diisi selepas beberapa bulan. Terdapat juga guru yang menyerahkan resit urusan niaga yang dibuat atau invois selepas tempoh yang lama. Ini adalah jelas melanggar tatacara kewangan dan guru besar berhak untuk menolak pembayaran (Abdul Rahim Affandi, 2003). Menurut Wan Azman Wan Idris (2002), terdapat juga guru kelas yang mengutip yuran atau bayaran khas daripada murid tanpa menyerahkan wang yang dikutip kepada pengurusan sekolah. Selain itu, ada juga guru kelas yang menyerahkan semua kutipan bayaran atau yuran kepada sekolah selepas tempoh yang lama dengan alasan menunggu sehingga semua bayaran selesai diterima.

Fenomena ini menunjukkan guru-guru di sekolah perlu dipantau dan dinilai secara berterusan untuk memperkukuhkan etika dan kepatuhan mereka terhadap peraturan kewangan. Adalah amat penting bagi kajian dijalankan untuk meninjau pengamalan dan sikap para guru terhadap nilai-nilai yang positif misalnya seperti integriti dalam mengurus kewangan. Ini kerana daripada kajian Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah dan Farrah dina Yusop (2006) mendapati bahawa guru yang berintegriti sahaja mampu memandu sebuah organisasi ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti di samping menyumbang kepada pembangunan negara. Kurang pemantauan oleh pentadbir atasan sekolah juga menyumbang kepada permasalahan dalam pengurusan kewangan ini (Jaimis Saiman, 2004; Zaidah Mustafa, 2004). Menurut Ethel (2007), perkara yang perlu diberi perhatian adalah pemantauan dan penilaian yang berterusan daripada pihak yang bertanggungjawab. Selain itu, seminar pengurusan kewangan pendidikan negara juga membincangkan perkara yang sama yang melibatkan integriti dan kewibawaan pengetua serta guru-guru dalam pengurusan hal pentadbiran sekolah dari segi kewangan (Adi Badiozaman Tuah, 2001).

Bagi menampung perbelanjaan, sekolah dibenarkan membuat kutipan yuran khas dengan persetujuan pihak tertentu. Namun demikian, banyak sekolah menghadapi kekangan yang sama, iaitu kekangan dalam kutipan duit yuran sekolah di mana kebanyakan sekolah gagal untuk mengutip yuran yang ditentukan dari semua pelajar mereka (Mohamed Mahmod, 1997). Ini kerana, keadaan kewangan ibu bapa atau penjaga yang mempunyai tanggungan yang ramai serta sikap guru kelas yang tidak berusaha mengutip bayaran yuran tersebut seperti yang diminta (Mohamed Mahmod, 1997). Menurut Mohamed Mahmod (1997) sikap guru dalam pengurusan kewangan sekolah perlu diberi perhatian. Sikap ini adalah

berkaitan dengan integriti kewangan guru yang seharusnya sentiasa diamalkan bagi menjamin kelancaran pengurusan sekolah. Berdasarkan isu-isu yang telah dibincangkan ini, adalah penting bagi kajian dijalankan untuk menilai pengamalan integriti kewangan khususnya di kalangan guru-guru yang merupakan tunggak utama dalam keharmonian pentadbiran sekolah. Justeru kajian ini adalah bertujuan bagi mengukur amalan integriti kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di zon Bangsar. Ianya diharap dapat memberi implikasi terhadap kesedaran pihak yang terlibat untuk meninjau pengamalan sikap berintegriti ini di kalangan guru dan seterusnya merangka usaha-usaha yang berkaitan bagi melestarikan sikap-sikap positif dikalangan guru yang dianggap sebagai model kepada masyarakat.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan bagi mengkaji amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar serta perbezaan berdasarkan faktor demografi.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar.
- ii. Mengkaji perbezaan tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor jantina.
- iii. Menyelidik perbezaan tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor tahap pendidikan.
- iv. Menganalisis perbezaan tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor tahun pengalaman mengajar.

SOROTAN KAJIAN

Konsep Integriti

Secara umumnya, integriti memainkan peranan penting yang mencerminkan keupayaan seseorang individu dalam melaksanakan tugas yang diberi. Nikitina (2002) berpendapat bahawa integriti adalah kualiti teras seseorang yang berjaya dalam kehidupan. Integriti bertindak sebagai asas kepada watak yang menggambarkan individu sebagai orang yang jujur dan amanah dalam setiap bidang dan situasi kehidupan. Sementara itu, Hidalgo (2002) dalam kajiannya turut membincangkan tentang sikap dan tindakan berintegriti sebagai penanda aras, titik rujukan, garis panduan, atau matlamat yang digunakan bagi menentukan tingkah laku yang bergantung kepada kebenaran dan kejujuran. Satu kajian oleh Eisenhower, Blacher dan Baker (2013) menjelaskan fungsi integriti sebagai satu sifat positif yang asas untuk kepimpinan. Oleh itu, adalah mustahak untuk pemimpin sekolah dan guru mempunyai nilai integriti serta kejujuran khususnya dalam mengurus dan memajukan organisasi sekolah.

Integriti juga turut merupakan penanda aras kemajuan sesebuah negara. Status integriti dan akademik sesebuah negara diukur sebagai indeks kompetensi dan kemajuan negara. Bagi mencapai hasrat Wawasan 2020 ke arah status negara maju, pelbagai aspek perlu dilengkapkan seperti pembangunan budaya, intelek dan rohani (Mohd Hamdan Haji Adnan, 2015). Jika pengutamaan diberikan kepada pembangunan ekonomi sahaja, pembangunan integriti tidak akan berfungsi (Zakaria Stapa, 1999). Dalam satu kajian berkaitan, integriti turut dikaitkan dengan isu penyelewangan, rasuah dan salah guna kuasa (Nik Hairi Omar, Azmi Awang, Azmi Abdul Manaf, 2012). Ianya menghubungkan tatacara kelakuan manusia yang mengalami masalah dengan amalan integriti yang menghadapi kepincangan.

Seterusnya, integriti adalah satu aspek penting dalam kesejahteraan dalam komuniti semua penjawat awam. Kajian lepas turut menyatakan integriti menyebabkan hubungan yang positif dengan kesejahteraan kehidupan individu, kesejahteraan dalam komuniti dan kesejahteraan dalam organisasi (Ones, Viswesvaran, & Schmidt, 2003; Widang & Fridlund, 2003). Kajian-kajian lepas turut membincangkan kepentingan integriti dalam melahirkan staf dengan tingkah laku yang baik. Melalui pengamalan integriti, perkara-perkara negatif dapat dielakkan misalnya seperti mencuri, memanjangkan waktu rehat, merosakan barang milik organisasi, membuat pengiraan salah dengan sengaja dan sebagainya. Integriti yang positif akan mempengaruhi pelbagai kejayaan dari segi kewangan, kerja, hubungan dan fizikal staf. Manakala kelemahan dari segi integriti akan menjurus ke arah kemudaratan serta kemusnahan diri. Dobel (1990) dalam kajiannya menyatakan bahawa individu harus memegang tiga jenis komitmen yang termasuk komitmen terhadap akauntabiliti, tanggungjawab peribadi dan berhemah. Integriti persendirian membimbing anggapan tanggungjawab moral bagaimana individu dapat menegakkan ketiga-tiga jenis komitmen ini dengan menyeluruh.

Integriti juga adalah satu set nilai dan prinsip dalaman yang berfungsi sebagai norma dan piawai dalam hidup serta berkaitan langsung kepada tindakan dan keputusan seseorang (Barnard, Schurink & De Beer, 2008). Ia adalah satu keadaan di mana individu boleh memberi justifikasi terhadap perlakuan dan tindakan mereka secara rasional walaupun dalam sebarang situasi atau keadaan yang tegang. Di samping pengetahuan yang mendalam dalam bidang pengurusan kewangan adalah penting bagi seseorang kakitangan untuk mempunyai nilai dan kebertanggungjawaban serta integriti dalam diri mereka sendiri. Justeru itu, integriti yang ingin dikaji dalam kajian ini merujuk kepada integriti kewangan yang perlu ada dalam diri seorang guru dalam pengurusan kewangan sekolah. Konsep integriti kewangan ini terdiri daripada pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh nilai murni yang bersifat berterusan dalam setiap perlakuan atau tindakan dalam mencapai kecemerlangan diri serta organisasi

Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru

Dalam memartabatkan profesion perguruan, integriti merupakan motivasi dalaman yang ada dalam diri setiap guru supaya dapat melaksanakan amanah yang diberikan dengan telus dan bai. Sikap amanah dalam mendidik anak bangsa wajar menjadi pegangan semua warga guru untuk mencapai kecemerlangan. Dalam mata masyarakat, guru sentiasa dipandang mulia dan setiap tingkah laku guru akan dipandang dan dikritik. Dari aspek ini, integriti menjadi teras dalam kerjaya dan kehidupan seseorang guru. Integriti telah menjadi etika yang wajib ada pada setiap guru dan perlu diikuti oleh semua warga pendidik dalam profesion perguruan. Oleh itu, guru perlu melaksanakan tugas, amanah, kuasa yang diberi dengan berintegriti. Mohd Izraudin Ismail (2004) dalam kajiannya menyatakan fasa pembangunan diri merupakan proses berterusan dalam diri yang bersifat untuk jangka masa yang panjang. Pembangunan diri guru yang berterusan ini berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menitikberatkan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini adalah untuk menilai identiti secara menyeluruh budaya pendidikan negara yang bermatlamat melahirkan guru abad ke 21 seiring dengan transformasi pendidikan di samping nilai-nilai murni yang tidak seharusnya diabaikan.

Dalam arena pendidikan, sekolah rendah merupakan tempat penting dalam pendidikan formal dan informal seorang murid. Murid akan mengenali guru dan akan cuba meniru gaya guru pujaan mereka. Guru akan secara langsung dan tidak langsung turut memberi kesan terhadap akhlak dan peribadi mereka (Azlina Mohd. Kassim, 2003). Di sini, tingkah laku guru sentiasa diperhatikan oleh murid. Guru-guru yang bertingkah laku yang menunjukkan integriti dalam perlakuan mereka akan menjadi inspirasi kepada murid-murid yang masih dalam proses membesar (Azlina Mohd. Kassim, 2003). Oleh itu, pengurusan kewangan sekolah tidak boleh diletakkan semata-mata atas tanggungjawab guru besar atau pengetua sekolah, tetapi harus ditangani bersama dengan yang lain misalnya Guru Penolong Kanan 1

(GPK 1), Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM), Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK KOKU), Pegawai Aset dan semua guru lain yang terlibat dalam penggunaan sumber kewangan sebuah sekolah. Akauntabiliti dan integriti adalah nilai-nilai penting untuk memastikan pelaksanaan tugas dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ianya juga perlu diamalkan bagi memastikan tiada pembaziran yang akan menjadi kerugian kepada harta dan sumber awam. Di samping itu, prinsip ini juga akan memastikan wang awam dibelanjakan secara cekap dan teratur serta mematuhi prosedur dan arahan undang-undang yang telah ditetapkan.

Kerangka Teori

Kerangka kajian ini adalah berpandukan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) oleh Ajzen (1991) yang merupakan pengembangan dari *Theory of Reasoned Action* oleh Ajzen dan Fishbein (1975). Asas penting bagi kedua-dua teori ini adalah niat individu tertentu untuk melakukan tingkah laku yang berkaitan. Tingkah laku individu ditentukan oleh niat individu tersebut untuk melakukan perilaku (Stone, Jawahar & Kisamore, 2009). Persoalan utama yang menjadi inti pati perbincangan dalam teori ini adalah niat individu terhadap perilaku tertentu berdasarkan tiga komponen utama iaitu (1) sikap terhadap perilaku, (2) norma subjektif dan (3) kawalan tingkah laku. Menurut Muhamad Nazri Borhan, Amiruddin Ismail, Riza Atiq O.K. Rahmat, & Kamarudin Ambak (2011) teori ini menekankan kepada beberapa elemen misalnya sikap yang merujuk kepada penilaian keseluruhan kelakuan seseorang, norma subjektif yang menyatakan mengenai kepercayaan sama ada orang lain memberi makna atau kesan daripada sesuatu kelakuan yang mereka lakukan dan mengawal kelakuan pula ditentukan oleh keinginan seseorang tentang adanya faktor yang akan menentukan pelaksanaan sesuatu perilaku.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Parahoo (2006) menggambarkan reka bentuk kajian sebagai pelan yang menerangkan bagaimana, bila dan di mana data akan dikumpulkan dan dianalisis. Polit & Beck (2012) pula menyatakan reka bentuk kajian sebagai keseluruhan kerangka penyelidikan untuk menjawab soalan penyelidikan atau menguji hipotesis penyelidikan. Kajian ini adalah merupakan kajian kuantitatif melalui tinjauan yang menggunakan instrument soal selidik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Norhannan (2016), kajian kuantitatif dipilih bagi melihat secara meluas sesuatu kajian yang dijalankan dan ianya menggabungkan kajian deskriptif dan kajian inferensi. Menurut Chua (2006), statistik deskriptif sesuai digunakan untuk mengorganisasikan dan menganalisis data agar dapat memberi gambaran secara teratur, mudah dan jelas sehingga dapat dikeluarkan makna tertentu dari sesebuah data. Manakala statistik inferensi pula menghuraikan perhubungan di antara variabel. Ia digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri sampel yang dipilih daripada populasi.

Populasi dan Persampelan

Sampel kajian yang telah dipilih dalam kajian ini merupakan guru-guru dari sekolah kebangsaan di sekitar zon Bangsar melalui persampelan rawak mudah. Zon Bangsar mempunyai 35 buah sekolah kebangsaan yang mempunyai bilangan guru seramai 1991 orang. Saiz sampel yang dicadangkan melalui formula Krejcie dan Morgan (1970) bagi 95 peratus tahap keyakinan adalah 322 bagi mewakili saiz populasi 2000 orang (jumlah guru sekolah kebangsaan di zon Bangsar 1991 orang). Oleh itu, borang soal selidik telah diedarkan secara bersemuka dan atas talian (*google form*) bagi 322 responden yang terdiri dari guru-guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar. Jadual 1 menunjukkan taburan demografi responden berdasarkan jantina, umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik. 265 orang daripada keseluruhan responden adalah dari kalangan guru perempuan, manakala 57 orang daripada

jumlah responden adalah dari kalangan guru lelaki. Analisis data menunjukkan bilangan responden dalam lingkungan umur dari antara 35 hingga 44 tahun adalah yang paling ramai iaitu mewakili 43.8 peratus daripada keseluruhan sampel. Dari aspek pembolehubah pengalaman mengajar pula, peratusan tertinggi adalah dari mereka yang berpengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 139 orang bersamaan 43.2 peratus. Dari aspek pembolehubah kelulusan akademik tertinggi pula, guru yang mempunyai sijil atau diploma perguruan adalah seramai 24 (7.5 peratus), manakala guru berkelulusan Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 264 orang (82.0 peratus). Seramai 34 orang guru pula memiliki Ijazah Sarjana yang bersamaan dengan 10.6 peratus.

Jadual 1

Taburan responden

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	57	17.7
	Perempuan	265	82.3
Umur	kurang dari 25 tahun	8	2.5
	25 - 34 tahun	118	36.6
	35 - 44 tahun	141	43.8
	45 - 54 tahun	51	15.8
	55 tahun dan ke atas	4	1.2
Pengalaman mengajar	5 tahun dan ke bawah	48	14.9
	6 - 10 tahun	139	43.2
	11 - 15 tahun	61	18.9
	16 - 20 tahun	23	7.1
	21 - 25 tahun	32	9.9
	26 tahun dan ke atas	19	5.9
Kelulusan akademik	Sijil / diploma	24	7.5
	Ijazah Sarjana Muda	264	82.0
	Sarjana Muda	34	10.6

Instrumen Kajian

Untuk mengenal pasti integriti kewangan dalam kalangan guru-guru, penyelidik telah mengadaptasi instrumen dari pengkaji Meng, Othman, D'Silva dan Omar (2014) yang berpandukan beberapa komponen Teori Tingkah Laku Yang Terancang iaitu sikap terhadap perilaku, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan niat tingkah laku. Sejumlah 28 item telah dikenalpasti sebagai indikator integriti kewangan dengan setiap dimensi mempunyai tujuh soalan. Bahagian A adalah terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Soalan-soalan tersebut terdiri daripada jantina, umur responden, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik tertinggi. Dalam soal selidik bahagian B, empat komponen utama yang terkandung dalam soal selidik adalah komponen bagi Teori Tingkah Laku yang Terancang dengan menggunakan skala likert 5 poin. Skala ini disusun dari skala 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Tidak Pasti (TP), 4 = Setuju (S) dan 5 = Sangat Setuju (SS).

Kebolehpercayaan dan kesahan borang soal selidik telah dirujuk kepada dua orang pakar yang terdiri daripada pakar bidang dan pakar bahasa. Bagi mengetahui kebolehpercayaan instrumen kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk memastikan nilai kebolehpercayaan setiap item dalam instrumen soal selidik. Seramai tiga puluh orang guru telah terlibat dengan kajian rintis ini. Hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa semua item dalam soal selidik ini mempunyai nilai alpha keseluruhan sebanyak 0.892. Ini menunjukkan bahawa soal selidik di dalam kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi

Prosedur Pengumpulan Data

Proses pemerolehan data oleh pengkaji dimulakan dengan kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia secara online. Selepas itu, penyelidik telah memohon kebenaran dari Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menjalankan kajian di sekolah-sekolah Zon Bangsar serta mendapatkan kebenaran dari Pejabat Pelajaran Daerah Bangsar Pudu untuk mendapatkan persetujuan dari guru besar-guru besar bagi membuat kajian di sekolah yang diperlukan. Setelah selesai urusan mendapatkan kebenaran, penyelidik telah pergi ke sekolah-sekolah terpilih dan berjumpa dengan pentadbir sekolah untuk mendapatkan kebenaran membuat kajian di sekolah dan mengedarkan borang soal selidik kepada guru-guru untuk menjawab soal selidik tersebut.

Analisis Data

Data yang diperolehi dari soal selidik ini dianalisis dan diproses menggunakan program perisian Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) versi 21. Seterusnya dalam kajian ini, data yang diperolehi dianalisis dengan statistik deskriptif iaitu analisis seperti min, kekerapan dan peratus. Statistik inferensi pula digunakan dengan menggunakan ujian Mann Whitney u dan ujian Kruskal-Wallis H kerana ujian normaliti menunjukkan taburan data adalah tidak normal. Daripada ujian normaliti yang telah dijalankan, nilai *skewness* menunjukkan nilai melebihi antara 1 dan -1 yang menunjukkan ianya bertaburan tidak normal. Ianya turut disokong dengan ujian *Kolmogorov-Smirnov* yang menunjukkan nilai signifikan $p < 0.05$ yang membuktikan data tidak bertaburan secara normal. Justeru bagi menentukan hasil kajian mencapai objektif yang telah ditetapkan, kedua-dua analisis bukan parametrik ini telah digunakan. Selain itu, interpretasi skor min bagi analisis deskriptif yang dijalankan adalah ditunjukkan seperti Jadual 2 dibawah (Jamil Ahmad, 2002)

Jadual 2

Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap data yang dikumpul daripada responden, berikut adalah dapatan yang diperolehi bagi menncapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan Zon Bangsar

Jadual 3 dibawah memaparkan dapatan bagi persoalan kajian yang pertama iaitu: Apakah aras amalan integriti kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan zon Bangsar? Hasil analisis memperlihatkan pembolehubah kawalan tingkah laku mencapai nilai min keseluruhan 4.73 iaitu pada aras yang tinggi. Pembolehubah niat juga memperlihatkan nilai min keseluruhan pada aras tinggi iaitu 4.70. Seterusnya dapatan menunjukkan nilai min yang sama bagi pembolehubah sikap dan norma subjektif iaitu sebanyak 4.67. Dapatan bagi purata min keseluruhan tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan zon Bangsar adalah pada aras tinggi dengan min sebanyak 4.69. Ini menunjukkan bahawa aras amalan integriti kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan zon Bangsar secara keseluruhannya adalah pada aras yang tinggi dengan aspek kawalan tingkah laku menjadi amalan yang paling tinggi diamalkan.

Jadual 3

Skor Min Keseluruhan Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru di Sekolah Kebangsaan Zon Bangsar

Bil	Pembolehubah	Min	Sisihan piawai	Aras
1	Sikap	4.67	.485	Tinggi
2	Norma subjektif	4.67	.647	Tinggi
3	Kawalan Tingkah Laku	4.73	.536	Tinggi
4	Niat	4.70	.532	Tinggi
	Keseluruhan	4.69	.550	Tinggi

Dari dapatan diatas, dapat disimpulkan bahawa amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar adalah ditahap yang tinggi dan setiap elemen dalam integriti kewangan yang diukur iaitu sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan niat juga menunjukkan purata pada tahap yang tinggi.

Perbezaan Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru Berdasarkan Jantina

Jadual 4 memperlihatkan keputusan kajian perbezaan aras amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar dari segi faktor jantina. Analisis dari Mann Whitney U memperlihatkan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara responden lelaki berbanding dengan responden perempuan terhadap aras amalan integriti kewangan dalam kalangan guru. Berdasarkan keputusan ujian, nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.061 iaitu melebihi aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5 peratus). Ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara responden lelaki berbanding dengan responden perempuan terhadap amalan integriti kewangan $p > .05$ ($Z = -1.875$, $p = 0.061$).

Jadual 4

Perbezaan Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru di Sekolah Kebangsaan Zon Bangsar berdasarkan Faktor Jantina

Pengiraan	Purata
Mann-Whitney U	6360.000
Wilcoxon W	8013.000
Z	-1.875
Sig. (p)	.061

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Berdasarkan dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan diantara amalan integrity kewangan guru lelaki dan perempuan di sekolah kebangsaan zon Bangsar dan faktor jantina bukanlah pertimbangan yang penting dalam menentukan tahap integriti kewangan para guru di sekolah kebangsaan.

Perbezaan Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru Berdasarkan Faktor Tahap Pendidikan

Aspek demografi faktor tahap pendidikan dikaji untuk mengenal pasti perbezaan aras amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar. Dalam kajian ini aspek tahap pendidikan terdiri daripada Sijil atau Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Aspek tahap pendidikan telah diuji dengan menggunakan Kruskal-Wallis H untuk menilai perbezaan tahap integriti kewangan guru. Merujuk jadual 5, didapati terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor tahap pendidikan [$\chi^2(2, N = 322) = 7.733$, $p = 0.021$]. Tahap amalan integriti kewangan guru-guru yang

mempunyai tahap pendidikan Sijil dan Diploma (M=194.33) dan guru yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana (M=190.62) lebih tinggi berbanding guru mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda (M=154.77).

Jadual 5

Perbezaan Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru di Sekolah Kebangsaan Zon Bangsar berdasarkan Faktor Tahap Pendidikan

<i>Ujian Kruskal-Wallis H</i>		
Kelayakan akademik tertinggi	N	Darjah Min
Sijil / Diploma Perguruan	24	194.33
Ijazah Sarjana Muda	264	154.77
Ijazah Sarjana	34	190.62
Jumlah	322	
		Purata
Chi-Square		7.733
df		2
Sig.(p)		.021

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan amalan integrity kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor tahap Pendidikan. Dengan kata lain, faktor tahap pendidikan memberi kesan kepada amalan integriti para guru samada mereka berkelulusan sijil/diploma perguruan, ijazah sarjana muda mahupun ijazah sarjana.

Perbezaan Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru Berdasarkan Faktor Tahun Pengalaman Mengajar.

Aspek demografi faktor tahun pengalaman mengajar dikaji bagi melihat perbezaan dari segi tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar. Dalam kajian ini aspek tahun pengalaman mengajar terdiri daripada 5 tahun dan ke bawah, 6-10 tahun, 11-15 tahun, 16-20 tahun, 21-25 tahun dan 26 tahun dan ke atas. Aspek tahap pengalaman mengajar ini juga di uji dengan menggunakan Kruskal-Wallis H untuk menilai perbezaan tahap integriti kewangan guru. Berdasarkan dapatan yang ditunjukkan di Jadual 6. didapati tiada perbezaan yang signifikan tahap amalan integriti kewangan guru berdasarkan aspek tahun pengalaman mengajar. Keputusan menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan dengan [$\chi^2(5, N = 322) = 2.601, p = 0.761$].

Jadual 6

Perbezaan Tahap Amalan Integriti Kewangan dalam Kalangan Guru di Sekolah Kebangsaan Zon Bangsar berdasarkan Faktor Tahun Pengalaman Mengajar

Ujian Kruskal-Wallis H		
Pengalaman mengajar	N	Darjah Min
5 tahun dan ke bawah	48	157.35
6-10 tahun	139	160.90
11-15 tahun	61	157.95
16-20 tahun	23	159.09
21-25 tahun	32	159.33
26 dan tahun ke atas	19	194.34
Jumlah	322	
		Purata
Chi-Square		2.601
df		5
Sig.(p)		.761

Signifikan pada aras $p < 0.05$

Justeru, dapat disimpulkan bahawa faktor tempoh pengalaman mengajar tidak memberi kesan terhadap perbezaan amalan integriti kewangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar. Guru-guru secara umumnya mengamalkan integriti kewangan yang baik tanpa mengira samada mereka masih baru atau telah lama berada dalam perkhidmatan. Seterusnya daripada keseluruhan dapatan kajian juga, dapat dirumuskan bahawa amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar adalah keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam tahap amalan integriti kewangan ini berdasarkan faktor jantina dan tempoh pengalaman mengajar dan perbezaan yang signifikan hanyalah berdasarkan faktor tahap pendidikan.

PERBINCANGAN

Fokus objektif kajian ini adalah bagi mengukur tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan zon Bangsar serta mengenalpasti sekiranya wujud perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor demografi jantina, tahap pendidikan dan tahun pengalaman mengajar. Hasil kajian telah menunjukkan tahap amalan integriti kewangan adalah pada aras yang tinggi. Ini selari dengan kajian Barnard (2007) yang menegaskan bahawa kajian dalam kalangan kumpulan profesional dalam kerajaan menunjukkan tahap amalan integriti dalam kewangan yang tinggi. Beliau juga menyatakan bahawa kumpulan berpendidikan ini masih memegang pada kod etika perkhidmatan yang telah disemai dalam diri mereka. Mohd Izraudin Ismail (2004) turut menyatakan bahawa pembangunan diri merupakan proses berterusan dalam diri yang bersifat untuk jangka masa yang panjang. Pembangunan diri guru yang berterusan ini berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menitikberatkan emosi, jasmani, rohani, intelek dan sosial. Tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini adalah untuk menilai identiti secara menyeluruh budaya pendidikan negara yang berobjektif melahirkan guru abad ke 21 seiring dengan transformasi pendidikan di samping nilai-nilai murni tidak seharusnya diabaikan.

Menurut Institut Integriti Malaysia (2006), integriti merupakan kualiti unggul yang wujud secara holistik dan padu kepada seseorang individu dan sesebuah organisasi. Sebagai penjawat awam, guru perlu melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggung jawabkan mengikut kepentingan semua pihak. Dalam proses merapatkan jurang pendidikan, integriti adalah asas kepada kecekapan sistem penyampaian bantuan di samping pembelaan terhadap semua lapisan golongan masyarakat. Menurut Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatus Saadiah Hamsan (2005), integriti merupakan pegangan teguh terhadap nilai-nilai murni secara berterusan disertai niat yang menyeluruh sama ada

melalui tingkah laku atau sikap sehingga mampu menghasilkan kecemerlangan dari aspek diri sendiri, organisasi dan masyarakat. Ones, Viswesvaran dan Schmidt (2003) turut menyatakan bahawa tahap amalan berintegriti melahirkan staf dengan tingkah laku yang baik di mana tiada perbuatan negatif seperti mencuri, memanjangkan waktu rehat, merosakkan barang milik organisasi, membuat pengiraan salah dengan sengaja dan sebagainya. Integriti yang positif akan mempengaruhi pelbagai kejayaan dari segi kewangan, kerja, hubungan dan fizikal staf. Individu bertanggungjawab penuh dalam pembentukan integriti dalam diri masing-masing. Individu yang berintegriti akan melakukan perkara yang betul dan konsisten (Wakin, 1996). Dapatan kajian ini juga turut menyokong teori tingkah laku terancang yang dikemukakan dalam kajian Carpenter dan Reimer (2005) yang menyatakan bahawa pemimpin korporat secara umumnya berusaha untuk memperbaiki iklim kerja, etika organisasi, integriti kewangan staf seperti akauntan, pegawai tadbir korporat dan pelabur.

Berdasarkan kajian juga, didapati tiada perbezaan yang signifikan terhadap tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru dari segi faktor jantina. Ini selaras dengan kajian Huang dan Hung (2013) yang dilakukan terhadap kakitangan perkhidmatan awam. Ini bermakna bahawa faktor demografi jantina tidak memberi kesan secara langsung terhadap nilai integriti dalam perkhidmatan awam. Dari hasil kajian ini, ia memberi gambaran bahawa guru-guru lelaki dan perempuan memberikan penilaian yang serupa berdasarkan pengalaman dan pengamatan dari pengurusan kewangan masing-masing di sekolah. Vallmüür (2016) dalam kajian juga telah menjelaskan faktor jantina tidak memberi kesan yang berbeza terhadap integriti guru. Walaubagaimanapun, aspek demografi telah dikenalpasti turut memberi pengaruh terhadap integriti guru melalui kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh Mohd Munaim Mahmud (2013), Shafinaz (2009) dan Wan Noraini (2011). Kajian-kajian ini menunjukkan faktor demografi turut mempengaruhi integriti guru. Bandura (1997) dalam kajiannya menyatakan disebabkan oleh faktor personal, jantina dan persekitaran lain saling berinteraksi dengan faktor tingkah laku dan sikap guru dalam membentuk keperibadian guru tersebut.

Seterusnya, kajian ini turut mengukur perbezaan tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor tahap pendidikan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara responden terhadap tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru berdasarkan faktor tahap pendidikan. Nikitina (2002) dalam kajiannya turut memberi dapatan yang selari dengan hasil kajian ini dimana terdapat perbezaan dalam mengukur integriti dari segi kewangan di kalangan guru berdasarkan tahap pendidikan yang berbeza. Guru yang terdiri daripada tahap pendidikan yang berbeza memberi kesan dan impak yang berbeza dalam integriti mereka menguruskan sumber sekolah. Siti Zalina Ramli (2006) dalam kajiannya menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara nilai integriti seseorang guru dengan faktor tahap pendidikan mereka. Ini disebabkan cara amalan kewangan mungkin berbeza berdasarkan amalan kehidupan yang berbeza khususnya dari aspek tahap pendidikan yang berhubungkait dengan persekitaran. Dalam hal ini dapat disimpulkan bahawa, integriti kewangan merupakan satu nilai penting yang perlu ada pada setiap guru dan ianya turut mengalami kesan berdasarkan faktor tahap pendidikan dan kemajuan pengetahuan seseorang.

Seeterusnya, dapatan yang terakhir menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru di sekolah kebangsaan zon Bangsar berdasarkan faktor tahun pengalaman mengajar. Menurut kajian Noor Suadah Mohd Nawawi (2014), faktor demografi guru khususnya jenis sekolah tidak membawa apa-apa perbezaan dalam tahap amalan integriti guru walaupun keluasan pengalaman mengajar dan pengurusan sekolah mempunyai banyak perbezaan. Ini bermakna, guru-guru baru yang bermula bekerja bawah 5 tahun juga mempunyai integriti kewangan yang tinggi. Ini membuktikan bahawa guru-guru yang baru terlatih dari Institut Perguruan turut memahami kod etika perguruan dengan jelas sepertimana yang telah ditetapkan. Dalam kajian Mohd Munaim Mahmud (2013) turut didapati tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara tingkah laku guru berdasarkan pengalaman mengajar. Keadaan sedemikian wujud kerana

kebanyakkan guru di sekolah rendah melaksanakan kerja dalam situasi yang hampir sama sepanjang tahun. Aziah Ismail dan Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2017) juga mendapati tiada hubungan yang signifikan bagi tahap amalan integriti guru dengan pengalaman mengajar. Menurutnya, tidak semestinya guru yang baru berkhidmat mempunyai tahap amalan integriti yang tinggi berbanding guru yang telah lama berada dalam perkhidmatan. Perkara ini adalah disebabkan oleh pengaruh faktor personal, tingkah laku dan persekitaran seperti mana yang dinyatakan oleh Bandura (1997) di mana faktor tersebut saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa integriti kewangan merupakan satu nilai yang perlu sentiasa ada dalam diri seseorang guru tanpa mengambil kira faktor pengalaman dan seumpamanya.

RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa tahap amalan integriti kewangan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan zon Bangsar adalah tinggi secara keseluruhan. Tiada perbezaan yang signifikan amalan integriti kewangan dalam kalangan guru berdasarkan faktor jantina guru dan tahun pengalaman mengajar. Walaubagaimanapun, dapatan menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan integriti kewangan guru berdasarkan faktor tahap pendidikan. Kajian ini menunjukkan amalan nilai-nilai murni terhadap kesejahteraan hidup dalam kalangan guru dari segi pengurusan kewangan. Hasil kajian ini juga memberi kesedaran kepada guru khususnya dalam memahami diri mereka secara lebih mendalam dalam pengurusan kewangan sekolah dimana integriti guru dapat dinilai. Kajian ini akan membantu guru-guru untuk memperbaiki segala tindakan yang boleh menjuruskan ke arah yang tidak berfaedah yang akan merosakkan imej mereka sebagai guru. Guru-guru juga dapat merancang kewangan sekolah dengan baik dan menjaga integriti kewangan mereka dengan baik.

Kajian ini membantu pentadbir sekolah membimbing guru dalam pengurusan kewangan sekolah. Pentadbir sekolah dapat menyediakan latihan-latihan berkaitan pengurusan kewangan guru dan latihan pembangunan diri yang bersesuaian kepada guru dalam memupuk integriti mereka. Kajian ini akan menjadi penanda aras bagi meningkatkan lagi integriti kewangan guru pada tahap yang lebih cemerlang. Kajian ini juga turut dapat membantu Kementerian Pendidikan bagi menyediakan latihan-latihan pembangunan diri kepada semua guru untuk menambah baik kualiti pekhidmatan mereka khususnya dari sudut integriti dari masa ke semasa. Latihan pembangunan diri guru bukan sahaja menjadi agenda penting sewaktu menjalani latihan awal perguruan tetapi ianya perlu ada secara berterusan. Ianya diharap mampu memberi implikasi yang positif kepada semua pihak bagi meningkatkan amalan integriti khusus dalam aspek kewangan dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi kemajuan sistem pendidikan di masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Affandi. (2003). *Laporan audit bersyarat: Kajian kes di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang*. Kertas Projek Sarjana Kepengetuaan tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Adi Badiozaman Tuah. (2001). Akauntabiliti pengetua dalam pengurusan kewangan. *Kertas kerja Seminar Kepengetuaan Kebangsaan ke-2, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang*.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1975). *Attitude-behavior relations: A theoretical analyses and review of empirical research*. Englewood-Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Azlina Mohd. Kassim. (2003). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stress kerja guru. *Jurnal Teknologi*, 48(6), 33-47

- Aziah Ismail & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2017). Amalan autonomi dan akauntabiliti di sekolah berautonomi dan impaknya terhadap kesediaan guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1), 41-52.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W H Freeman & Co.
- Barnard, A., Schurink, W., & De Beer, M. (2008). A conceptual framework of integrity: empirical research. *SA Journal of Industrial Psychology*, 34(2), 40-49.
- Barnard, H. A. (2007). *Integrity and integrity development in the South African work context*. Pretoria, South Africa: UNISA
- Barry, M. C., Sackett P. R., & Wiemann, S. (2007). A review of recent developments in integrity test research. *Personnel Psychology*, 60, 271 – 301.
- Carpenter, T.D. & Reimer, J.L. (2005). Unethical and fraudulent financial reporting: Applying the theory of planned behaviors. *Journal of Business Ethics*, 60,115-129.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Dobel, J. P. (1990). Integrity in the public service. *Public Administration Review*, 50(3).
- Eisenhower, A., Blacher, J., & Baker, B. L. (2013). Mothers' perceived physical health during early and middle childhood: Relations with child developmental delay and behavior problems. *Research in Developmental Disabilities*, 34(3), 1059-1068.
- Ethel, D. (2007). *Responsibility center management: Overview*. In W. Douglas (Ed.).NY: Kent State University.
- Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah, & Farrahidina Yusop. (2006). Peranan ibu bapa dan guru dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pencapaian akademik. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 27(6) : 9-10.
- Hidalgo, C. Z. (2002). *Integrity*. Telah dicapai daripada <http://www.webweevers.com/integrity.html>
- Huang, H. J., & Hung, Y. (2013). Gender differences and behavioral integrity: From a social contract perspective. *Journal of Management & Organization*, 19(1), 86-100.
- Institut Integriti Malaysia. (2006). *Pelan Integriti Nasional*. Institut Integriti Malaysia.
- Institut Integriti Malaysia. (2009). *Laporan Tekad Integriti 2009 – 2013: Penilaian dan hala tuju sedekad bersama rakyat*. Institut Integriti Malaysia.
- Jaimis Saiman. (2004). *Amalan pengurusan kewangan di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama bertaraf PTJ di Sabah*. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatus Saadiah Hamsan. (2005). Pemantapan nilai integriti individu sebagai teras pembangunan staf berkualiti. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Jamil Ahmad. (2002) *Pemupukan budaya penyelidikan dikalangan guru di sekolah: Satu penilaian*. Tesis Ph.D. tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Tatacara pengurusan perakaunan kumpulan wang sekolah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kerajaan Malaysia. (2004). *Pelan Integriti Nasional*. Kuala Lumpur: Pusat Ilmu Integriti
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Meng, C. L., Othman, J., D'Silva, J. L., & Omar, Z. (2014). Ethical decision making in academic dishonesty with application of modified theory of planned behavior: A review. *International Education Studies*, 7(3), 126-139.

- Mikulay, S. N. & George, F. L. (2001). Counterproductive workplace behaviors. *Genetic, Social & General Psychology Monographs*, 127(3), 279-300
- Mohamed Mahmood. (1997). *Pentadbiran kewangan sekolah: Satu tinjauan amalan pengetua di sekolah menengah daerah Kuala Selangor*. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Mohd Izraudin Ismail. (2004). *Cabaran dan harapan dalam pendidikan menghadapi alaf baru*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. (2015). Peranan media massa memartabatkan integriti nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2(1), 57-74.
- Mohd Munaim Mahrnud. (2013). Pengaruh kepemimpinan instruksional guru besar ke atas efikasi guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 14, 232-251.
- Muhamad Nazri Borhan, Amiruddin Ismail, Riza Atiq O.K. Rahmat, & Kamarudin Ambak. (2011). Effect of transport policies to shifting private car users to Park-and-Ride in Putrajaya, Malaysia. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(3): 303-308.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Saedah Siraj & Faisol Elham. (2012). Kepimpinan dan proses kawalan terhadap peruntukan kewangan sekolah: Perspektif Malaysia. *Jurnal Internasional Manajemen Pendidikan*, 4(02).
- Nik Hairi Omar, Azmi Awang, Azmi Abdul Manaf. (2012). Integriti dari perspektif pengaduan awam: kajian kes di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia. *E-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1): 141-155.
- Nikitina, S. (2002). *Three strategies for interdisciplinary teaching: Contextualizing, conceptualizing, and problem-solving*. Interdisciplinary Studies Project. Harvard Graduate School of Education.
- Noor Suadah Mohd Nawawi (2014). *Integriti guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolah rendah luar bandar Kulajaya*. Disertasi Sarjana Pendidikan tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhannan, R. (2016). *Prestasi guru Pendidikan Islam berasaskan daya kekuatan dalaman, kepimpinan pengetua dan iklim sekolah*. Tesis PhD. tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Nor Salmi Ahmad Zabidi & Lim Hooi Lian. (2012). *Mengkaji kesahan inventori nilai integriti dalam kalangan guru-guru sekolah rendah*. Universiti Sains Malaysia.
- Odden, A. R., & Picus, L. O. (2007). *School finance: A policy perspective*. New York: Mc Graw Hill
- Ones, D. S., Viswesvaran, C., & Schmidt, F. L. (2003). Personality and absenteeism: A meta-analysis of integrity tests. *European Journal of Personality*, 17(S1).
- Parahoo, K. (2006). A philosophic analysis of evidence-based nursing: Recurrent themes, metanarratives, and exemplar cases. *Nursing Outlook*, 54(1), 30-35.
- Polit, D. F., Beck, C. T. & Hungler, B. P. (2001). *Essentials of nursing research: Methods, appraisal and utilization*. Philadelphia: Lippincott.
- Shafinaz, A. M. (2009). *Kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan efikasi sendiri guru di daerah Jempol, Negeri Sembilan*. Disertasi Sarjana Kependetaan tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Shahril@Charil Marzuki (2005). *Mengurus kewangan sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Siti Zalina Ramli (2006). *Iklim etika kerja dan tingkah laku etika di kalangan kakitangan perkhidmatan awam di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Stone, T. H., Jawahar, I. M., & Kisamore, J. L. (2009). Using the theory of planned behavior and cheating justifications to predict academic misconduct. *Career Development International*, 14(3), 221-241.
- Vallmüür, B. (2016). Exploring gender-neutrality of police integrity in Estonia. *Policing: An International Journal of Police Strategies & Management*, 39(2), 401-415.
- Wakin, M. M. (1996). Professional integrity. *Airpower Journal*, 10(2), 23-29.
- Wan Azman Wan Idris. (2002). *Pengurusan kewangan sekolah: analisis teguran Jabatan Audit Sekolah cawangan Negeri Sembilan terhadap beberapa buah sekolah di daerah Kuala Pilah dan Jempol, Negeri Sembilan*. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

- Wan Noraini, Wan Kamaruddin. (2011). *Efikasi pensyarah dan hubungannya dengan kompetensi pensyarah teknikal politeknik Malaysia*. Tesis PhD tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Widäng, I., & Fridlund, B. (2003). Self-respect, dignity and confidence: Conceptions of integrity among male patients. *Journal of Advanced Nursing*, 42(1), 47-56.
- Zaidah Mustafa. (2004). *Kebaikan dan keburukan selepas bertaraf PTj dan masalah yang dihadapi: Satu kajian kes di SM harian bertaraf PTj di daerah Petaling*. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication